



Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan
National Pharmaceutical Control Bureau
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Ruj. Kami : (8) dlm. BPFK/PPP/01/03 Jld. 3
Tarikh : 09 APR 2014

SEMUA PEMEGANG PENDAFTARAN

**SEMUA PERSATUAN BERKENAAN
(SEPERTI DI SENARAI EDARAN)**

Tuan/ Puan,

**PENGAWALAN BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN / FEED ADDITIVE
TERMASUK PRODUK SUPLEMEN KESIHATAN / DIETARY SUPPLEMENTS DAN
PRODUK HERBAL / NATURAL**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.


1. Adalah dimaklumkan bahawa selaras dengan pelaksanaan Akta Makanan Haiwan 2009, produk-produk yang dikategorikan sebagai bahan tambahan makanan haiwan akan dikawal oleh pihak Lembaga Makanan Haiwan.
2. Sehubungan dengan itu, Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) dalam mesyuaratnya kali ke **273** pada 27 Februari 2014 telah bersetuju bahawa:-
 - i. Lembaga Makanan Haiwan akan mengawal bahan tambahan makanan haiwan / *feed additive* termasuk produk suplemen kesihatan / *dietary supplements* dan herbal / *natural*.
 - Produk di bawah kawalan Lembaga Makanan Haiwan tidak dibenarkan sebarang tuntutan ke atas produk berkenaan termasuk tuntutan untuk kesihatan am (*general maintenance or promotion of health or well being*).
 - ii. Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) akan mengawal semua produk bagi kategori *scheduled poison* dan *non scheduled poison (Over The Counter; OTC)* termasuk sediaan dalam bentuk *parenteral / injectable*.
 - Produk suplemen kesihatan / *dietary supplements* dengan tuntutan perubatan / *therapeutic claim* diklasifikasikan sebagai produk *OTC*.

3. Mulai **1 Julai 2014**, Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) tidak lagi mengawal bahan tambahan makanan haiwan / *feed additive* termasuk produk suplemen kesihatan / *dietary supplements* dan herbal / *natural*.
4. Pemegang pendaftaran produk perlu **menarik balik permohonan pendaftaran** bahan tambahan makanan haiwan / *feed additive* termasuk produk suplemen kesihatan / *dietary supplements* dan herbal / *natural* sedia ada.
5. Pemegang pendaftaran produk adalah dimohon untuk mengambil maklum tentang perkara ini.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



TAN ANN LING

Pengarah Regulatori Farmasi
Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan
Kementerian Kesihatan Malaysia

ra/nb/ppp/bpk/070314

- s.k.
1. Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia.
 2. Pengarah Penguatkuasa Farmasi
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia.
 3. Pengarah Amalan dan Perkembangan Farmasi
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia.
 4. Setiausaha Lembaga Makanan Haiwan
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.